

**AKHBAR : SINAR HARIAN****MUKA SURAT : 20****RUANGAN : NASIONAL**

## Lagi tikus dijumpai di restoran makanan segera



Seekor tikus dilihat berkeliaran di atas meja, dipercaya dalam bilik yang menyimpan stok barang di sebuah restoran makanan segera di Cheras Selatan, Balakong.

**SHAH ALAM** - Belum reda kes tikus 'sambut' pelanggan di kaunter pandu lalu di sebuah restoran makanan segera awal bulan ini, kes yang sama dilaporkan berlaku lagi di Cheras Selatan, Balakong.

Menerusi satu perkongsian video berdurasi 36 saat yang kini tular di media sosial, seekor tikus berkeliaran di atas meja, dipercayai di bahagian simpanan stok barang.

Difahamkan, kejadian berlaku di sebuah restoran makanan segera yang terkenal.

Video itu turut mendapat perhatian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berjanji akan mengambil tindakan segera.

"Kami akan buat tindakan lanjut de-

ngan secepat mungkin. Tikus lagi," ciap pentadbir Twitter KKM.

Pada 11 Februari lalu, *Sinar Harian* melaporkan sebuah restoran makanan segera di Kota Kemuning, di sini diarah tutup selama 14 hari sehingga 21 Februari setelah seekor tikus dilihat berada di kaunter pandu lalunya.

Notis arahan penutupan premis itu dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang yang turun ke lokasi selepas video itu tular di media sosial.

Tindakan dan arahan penutupan itu diambil mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983 kerana premis tersebut didapati tidak bersih, sekali-gus ber kemungkinan akan mendatangkan bahan kepada kesihatan orang ramai.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : NEGERI

# Pusat Jantung Hospital Serdang terima al-Quran wakaf

Sumbangan 300 naskhah al-Quran itu bagi kegunaan warga kerja, pesakit dan pengunjung

Oleh FOUZIAH AMIR  
SERDANG

**P**usat Jantung Hospital Serdang menyambut baik 300 naskhah al-Quran wakaf daripada sumbangan orang ramai melalui Kempen Al-Quran Wakaf untuk Ummah bagi kegunaan warga kerja, pesakit dan pengunjung.

Penyerahan al-Quran tersebut disampaikan oleh wakil YAYASAN Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), Hashim Anang kepada Pengarah Hospital Serdang, Dr Amin Sah Ahmad pada 16 Februari lalu.

Menurut Dr Amin Sah, sumbangan al-Quran tersebut begitu bermakna bagi pihak hospital yang mengamalkan konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI).

Katanya, pada 20 Julai 2022, Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah memberi pengiktirafan HMI kepada Hospital Serdang.

"Antara perkhidmatan dan kemudahan disediakan seperti bilik solat lelaki dan wanita di setiap aras, peralatan asas untuk solat, tanda arah kiblat di setiap bilik solat dan wad, bacaan doa pagi oleh petugas hospital, kemudahan kit wuduk pesakit di wad, poster, risalah dan panduan solat bagi pesakit wad."

"Alhamdulillah, pihak hospital mendapat kerjasama Jakim untuk membangunkan kemudahan untuk beribadah kepada pesakit. Para asatizah dan petugas kesihatan yang dilatih turut membantu dalam memberi bimbingan tatacara wuduh dan solat bagi pesakit di wad," jelas Dr Amin Sah.

Tambahnya, Pusat Jantung di bawah Hospital Serdang telah dibuka sejak 12 Disember 2022 dan sumbangan al-Quran wakaf tersebut ditempatkan di Quran Corner di semua surau, klinik dan wad di premis tersebut.

"Al-Quran merupakan syifa atau penawar bagi segala penyakit. Melihat al-Quran pun boleh dapat pahala, apatah lagi



Dr Amin Sah (empat dari kanan) menerima sumbangan al-Quran Wakaf untuk Ummah daripada wakil WUIF, Hashim (tiga dari kiri) di Pusat Jantung Hospital Serdang pada Khamis lalu.

jika kita membaca, menghayati dan memanfaatkan al-Quran dalam kehidupan, ia boleh membawa manfaat di dunia dan akhirat.

"Sakit merupakan ujian yang membawa rahmat bagi manusia yang mensyukuri nikmat ALLAH SWT. Ziarah pesakit adalah antara aktiviti petugas di Unit Hal Ehwal Islam yang diketuai oleh Ketua Unit Hal Ehwal Islam, Muhammad Hafiz Bakren. Dalam

sesi ziarah tersebut, mereka membimbang pesakit untuk melaksanakan solat, membaca al-Quran dan doa," ujarnya.

Al-Quran Wakaf untuk Ummah merupakan projek wakaf al-Quran, selain Tabung Gerakan al-Quran yang diuar-uarkan melalui program My #QuranTime di TV Alhijrah, TV9, dan semua platform digital My #Qurantime Official.

Program Wakaf al-Quran da-

ripada ummah untuk ummah ini bertujuan mencapai misi meng-Qurankan Bangsa Mengikhlaskan Ummah pada 1500H.

Surah Al-Insan yang membawa tema Memanusiakan Ummah menjadi surah pilihan bagi program #QuranHour termasuk World #QuranHour, Arafah #QuranHour, Malaysia #QuranHour dan World #QuranConvention tahun ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Status Hospital Maran jadi tanda tanya

**MARAN:** Status Hospital Maran bernilai RM350 juta yang diluluskan dalam Bajet 2023 oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) kini ibarat ‘digantung tidak bertali’.

Ini berikutan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini yang menggaskan bahawa Belanjawan 2023

diteliti semula dan tidak terikat dengan belanjawan yang lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Parlimen Maran, Datuk Seri Dr. Ismail Abd. Mutalib berkata, usul khas akan dikemukakan dalam sidang Dewan Rakyat dengan membawa harapan masyarakat daerah itu supaya projek hospital tersebut diteruskan mengikut kelulusan asal.

“Status Hospital Maran ketika ini menjadi tanda tanya dan melalui jalan berliku berikutan perubahan tampuk pemerintahan selepas PRU15.

“Saya sebagai pencetus idea hospital ini tetap memperjuang pelaksanaannya yang sudah pun diluluskan pada era bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tetapi berdepan penangguhan ekoran pergola-

kan politik negara sejak 2018,” katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ismail berkata, tapak pembinaan Hospital Maran di Kampung Batu 55, Jalan Kuala Sentul-Maran hanya menunggu masa untuk dibangunkan.

“Saya akan terus memperjuangkan supaya hospital ini dapat direalisasikan dalam tempoh lima tahun ini. Saya juga akan ke-

mukakan kepada Perdana Menteri supaya peruntukan RM350 juta untuk Hospital Maran tidak akan dikeluarkan daripada pengumuman bajet asal.

“Paling tidak pun sebahagian peruntukan awal, sebab kerja-kerja tanah telah pun bermula di samping harapan tinggi kira-kira 140,000 penduduk yang menanti puluhan tahun hospital ini,” katanya.

**AKHBAR : THE SUN****MUKA SURAT : 4****RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

## 20 dengue hotspots identified in Sabah

**KOTA KINABALU:** A total of 20 areas in Sabah have been identified as dengue hotspots, with 11 of them in the Sandakan district.

The State Health Department said there were four hotspots in Tawau, two each in Kota Kinabalu and Lahad Datu and one in Papar.

A total of 1,683 dengue cases, with three deaths, were reported in the state on Sunday.

Sandakan had 483 cases, followed by Tawau

with 308 and Kota Kinabalu with 270.

The dengue hotspots in Sandakan are at Taman Mawar, Sendang, Indah Jaya Phases 6 and 7, Taman Rimba, Bandar Ramai-Ramai, Kampung Berhalia Darat Zone 8, Taman Samudera, Taman Tai Fui Yen Batu 8, Taman Megah, Indah Jaya Phase 9 and Sri Taman.

In Tawau, the hotspots are at T832 Tg Batu Kg Pukat Laut, Jk30 Kg Jawa Lama Jin Mansor,

AP20 Taman Berjaya and JU44 Kampung Baru Pasir Putih (Mawar), while the hotspots in Kota Kinabalu are in Kepayan Rumah Murah PH2 and Kampung Trebbon, Bernama reported.

There were 76 dengue clusters in Sabah, 25 in Sandakan, 20 in Tawau, 12 in Kota Kinabalu, six in Lahad Datu, three in Penampang, two each in Putatan, Kunak and Semporna and one each in Tuaran, Papar, Kudat and Pitas.

**AKHBAR : THE STAR****MUKA SURAT : 2****RUANGAN : NATION**

## Concerns raised over viability of subsidised healthcare

By FAZLEENA AZIZ  
fazleena@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The country's subsidised healthcare system is no longer sustainable and those who can afford it have to pay the right price for treatment if the various ailments plaguing the system are to be overcome, say experts.

With the nation's healthcare system in crisis, changes have to be made to ensure it is cost effective and financially viable, said Malaysian Pharmacists Society president Amrahi Buang.

"The current system where patients are only charged RM1 or RM5 has become a political tool to appeal to the masses," he claimed.

Among others, he cited cancer treatment that may cost more than a thousand ringgit is available for only RM1 or RM5.

"Hospitals should also ideally do away with the green zone in the emergency department. It is one of the main reasons for overcrowding.

"The emergency department is for serious and trauma cases only.

"We also need to integrate private sector resources to resolve issues arising from doctors on contracts, overcrowding, as well as overworked and underpaid staff," he added.

Amrahi also suggested promoting healthy habits and preventive care to develop a healthier society through community pharmacies.

National Professors Council senior fellow Dr Jeniri Amir agreed that the RM1 service charge was no longer tenable.

He said that while those in the B40 groups must still have access to free healthcare, those in higher-income groups should be charged accordingly.

"Healthcare is one sector that costs a lot of money and as such, we cannot keep holding on to the past."

Jeniri said people must be educated about this as Malaysia is one of the most heavily subsidised countries in the world, which is not good economically.

Public health expert Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh of Universiti Kebangsaan Malaysia feels it is time to empower health clinics so people need not go to hospitals except for major illnesses.

This, she said, could be done by upgrading equipment and placing specialists in health clinics, while improving their facilities and stocking more medicines there.

"We also have general practitioners (GPs) to handle day-to-day primary care, but the question is who is going to pay. One way is to extend the MySalam social insurance programme and the B40 Peka scheme to the M40.

"That way, people do not need to go to hospitals unless it involves serious cases," she said.

Prof Sharifa Ezat also said that people's attitude towards managing their health must change in terms of food and lifestyle choices.